



## **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI AKTIVITI PENGGAMBARAN YANG DIPERKETATKAN DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

---

**Petaling Jaya, 22 Mei 2021** – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) mengambil maklum akan situasi semasa gelombang peningkatan kes penularan wabak pandemik COVID-19 dalam negara yang amat membimbangkan terutamanya penularan varian-varian baharu wabak COVID-19 yang telah merisikokan semua pihak. FINAS juga menerima laporan mengenai beberapa artis dan kru produksi yang telah dijangkiti wabak COVID-19 termasuklah kewujudan kes-kes jangkitan baharu melibatkan penggiat industri kreatif tempatan. Justeru dalam menyokong usaha kerajaan bagi memutuskan rantaian penularan wabak pandemik COVID-19 ini, FINAS ingin memaklumkan akan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi aktiviti penggambaran yang diperketatkan berkuatkuasa 25 Mei 2021 selepas pengumuman yang telah dibuat oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan pada hari ini.

Untuk makluman aktiviti rakaman bagi penggambaran filem, drama, dokumentari, animasi, produksi muzik dan seumpamanya **dibenarkan bagi rakaman dalaman di studio rasmi yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja bermula 25 Mei 2021 dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam**. Contoh studio rasmi yang disebutkan ialah seperti studio-studio FINAS, Studio Iskandar Malaysia, Studio Jelas Juta dan sebagainya. Aktiviti penggambaran yang dijalankan juga adalah dengan jumlah kru yang minima tanpa penonton serta perlu membuat permohonan Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) dan tertakluk kepada pematuhan SOP Industri Kreatif yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

FINAS juga ingin mengingatkan kepada semua pihak untuk mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak MKN serta semua garis panduan meliputi protokol pencegahan

penyakit dan sekatan, saringan kesihatan, pembersihan dan nyah kuman premis, penjarakan fizikal dan tatacara keselamatan pekerja serta tindak balas kecemasan.

FINAS akan memaklumkan perincian SOP Industri Kreatif yang baharu pada 24 Mei 2021 dan perkembangan terkini dari semasa ke semasa melalui medium hebahan media dan laman sesawang FINAS di [www.finas.gov.my](http://www.finas.gov.my) serta media sosial rasmi Facebook, Instagram dan Twitter @FINASMalaysia. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung dengan Unit Komunikasi Korporat FINAS di talian **03-7968 2182** atau emel di [info@finas.my](mailto:info@finas.my).

**Unit Komunikasi Korporat  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)  
22 Mei 2021**